



SIARAN AKHBAR

Maklum Balas JPA Kepada Artikel Dalam Berita Harian Bertajuk “Masa Kerja Anjal Tidak Lagi Sesuai” Bertarikh 29 Oktober 2008

Jabatan Perkhidmatan Awam merujuk kepada surat pembaca oleh Pekerja Stres, Kuala Berang, Terengganu bertajuk “Masa Kerja Anjal Tidak Lagi Sesuai” yang disiarkan Berita Harian pada 29 Oktober 2008.

Untuk makluman, objektif utama pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan memanjangkan tempoh masa perkhidmatan kepada orang awam. Melalui pelaksanaan WBB, kaunter-kaunter perkhidmatan kerajaan dibuka lebih lama bagi memudahkan orang ramai berurusan. Seseorang pegawai Perkhidmatan Awam dibenarkan merancang dan memilih WBB mengikut kesesuaiannya dan keperluan agensi tempat seseorang itu bertugas.

Bagi menjaga kebajikan penjawat awam pula, mulai 1 Julai 2005 Kerajaan telah memperkenalkan dasar lima hari bekerja seminggu. Oleh itu, masa untuk bersama keluarga dan menyelesaikan urusan peribadi bolehlah dilakukan selepas waktu pejabat, hujung minggu dan hari-hari kelepasan am.

**Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Perkhidmatan Awam
4 November 2008**